



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PROJEK KERJASAMA PENYELIDIKAN ANTARA UniSZA DAN PIHAK LUAR (TERMASUK GERAN PADANAM)

1. Kertas cadangan penyelidikan perlu berkaitan dengan kepakaran penyelidik.
2. Pemohon perlu mengemukakan bukti dokumen persetujuan di antara rakan kerjasama (Letter of Intent) yang diperakui oleh Fakulti/ RMC/ Pengarah Jabatan.
3. Projek penyelidikan mestilah melibatkan kerjasama di antara UniSZA dan sekurang-kurangnya tiga (3) lagi entiti samada Universiti Awam, Universiti Swasta, Industri atau agensi dari dalam atau luar negara.
4. Kertas cadangan penyelidikan perlu dibentang dan diperaku oleh dua (2) orang panel penilai yang dilantik oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/ Institut (JPMI) sebelum diserahkan kepada pihak RIMC untuk dibawa ke Mesyuarat JkPP bagi tujuan kelulusan.
4. *Memorandum of Agreement* (MoA) yang perlu dilengkapkan adalah seperti *template* yang telah disediakan oleh pihak RIMC atau rakan kerjasama.
5. Sebarang perubahan terhadap format/ kandungan MoA perlu dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Universiti (PUU).
6. Tempoh dan peruntukan penyelidikan adalah tertakluk kepada persetujuan dari rakan kerjasama yang termaktub dalam MoA.
7. Fakulti/ CoE perlu mendapatkan kelulusan MoA daripada JKPU (mengikut prosedur sedia ada yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti).
8. Pihak Fakulti/ CoE perlu menyerahkan sesalinan MoA yang telah dimatikan setem kepada RIMC dan Pusat Komunikasi Korporat (PKK).
9. Pemantauan penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab Fakulti/ CoE dan laporan dikemukakan kepada pihak RIMC **setiap enam (6)** bulan melalui JPMI.
10. Syarat mula dan tamat penyelidikan adalah tertakluk kepada kandungan MoA yang telah dipersetujui oleh pihak bekerjasama.
11. Siling maksimum permohonan peruntukan projek Kerjasama penyelidikan ialah **RM 50,000**.

12. Penyelidik perlu memastikan terdapat penyaluran dana dari pihak yang bekerjasama dan perlu dinyatakan dengan jelas dalam MoA. Sekiranya tiada penyaluran dana, kelulusan permohonan menjalankan projek penyelidikan akan terbatal.

13. Hasil penyelidikan mestilah mengikut **Jangkaan Hasil Penyelidikan Berdasarkan Jumlah Peruntukan Geran Yang Diterima** (Rujukan: Buku Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan UniSZA).

STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)
PERMOHONAN PROJEK KERJASAMA PENYELIDIKAN ANTARA UniSZA DAN PIHAK LUAR (TERMASUK GERAN PADANAN)

